



SI MANJA LANCAR BERTUTUR

MENANTI PERKATAAN PERTAMA YANG KELUAR DARIPADA MULUT SI MANJA MERUPAKAN ANTARA DETIK TERINDAH BAGI KEDUA IBU BAPA. TIDAK DINAFIKAN ADA DI ANTARA KANAK-KANAK YANG CEPAT BERCAKAP, TIDAK KURANG JUGA YANG SUKAR UNTUK MEMULAKAN SESUATU PERKATAAN.

SUSUNAN: SUZIANA ABU DAUD

MELIHAT percakapan si kecil yang masih tidak petah berbicara seperti rakan sebaya lain menimbulkan rasa khawatir kepada ibu bapa. Apakah cara terbaik yang harus dilakukan untuk mengajar anak anda bercakap? Teknik asuhan bagaimanakah yang harus dipraktikkan?

Secara umumnya kanak-kanak perempuan dikatakan lebih cepat bertutur daripada anak lelaki. Ini disebabkan perkembangan dan pertumbuhan mereka yang pantas sekali gus membolehkan alat suara menjadi lebih matang. Maka tidak hairanlah percakapan anak perempuan juga lebih mudah difahami. Namun sesetengah daripada mereka turut lewat mengalami perkembangan bahasa.

PERINGKAT PERKEMBANGAN BAHASA KANAK-KANAK

Bayi mula belajar untuk bercakap sejak dia pandai mengeluarkan bunyi pada usia 3 hingga 4 bulan. Ketika usianya meningkat 8 bulan ke atas, bayi juga sudah mampu membunyikan perkataan tertentu. Pada waktu begini, ibu bapa seharusnya memainkan peranan dengan menggalak anak anda untuk belajar menyebut perkataan.

► 1 hingga 2 tahun

Pada peringkat ini kanak-kanak sudah dapat menuturkan perkataan. Adalah baik jika

bayi diberi peluang untuk bercakap agar emosi mereka tidak terganggu. Namun, hanya sedikit sahaja perkataan yang mampu dipelajari sehingga umur mereka menginjak ke dua tahun.

► 2 hingga 3 tahun

Kurang menuturkan perkataan yang kurang difahami dan lebih kepada ayat ringkas. Pada usia ini kanak-kanak akan bercerita tentang apa sahaja yang dialami kepada orang dewasa. Memasuki usia 3 tahun juga mereka mula belajar menyusun ayat terutamanya apabila hendak menyatakan sesuatu.

► 4 hingga 5 tahun

Mereka lebih banyak bercakap, suka bertanya dan penerimaan bahasa lebih berkesan. Selain menunjukkan perkembangan sosial yang baik sesama rakan di samping mula belajar membaca.

TEKNIK RANGSANGAN BERTUTUR

AYAT RINGKAS

Galakkan anak-anak bercakap dengan menggunakan ayat yang pendek dan mudah. Apabila mahu menerangkan sesuatu kepada mereka, pastikan ada ruang (pause) antara satu ayat dengan yang lain supaya anak-anak faham.

BERCAKAP DENGAN MIMIK MUKA

Mimik muka semasa bercakap amat penting. Ia harus bersesuaian apabila menyampaikan maksud perkataan atau ayat yang disampaikan kepada si manja.

PENDENGAR SETIA

Berusaha memberi perhatian dan memahami apa yang anak anda ingin sampaikan. Jika apa yang disebut kurang jelas, bantu mereka dengan menyebut beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang sama.

KERAP ULANG PERKATAAN YANG SAMA

Sekiranya anak-anak sudah boleh bercakap satu perkataan, ulang kembali apa yang disebut dalam penggunaan ayat yang sempurna. Misalnya, apabila anak menyebut 'nak', tanyakan kembali 'Baby nak apa? Nak susu? Nak mainan?' Jadikan ia satu kebiasaan.

USAH MENDESAK

Jangan sesekali memaksa anak anda bercakap dan pameran kekecewaan kerana mereka masih belum mampu bercakap. Bahasa pertama yang anak anda akan pelajari adalah bahasa emosi dan mimik muka. Mereka lebih mahir membaca perasaan berbanding perkataan. ▲

CTR. NO: 0000274957

141 NONA

chi idren - genaval

Pg 141